

BACA KETIKA DALAM PERJALANAN MERUPAKAN BUKU TIKET PERTAMA SINGAPURA

Kad NETS Flashpay bernilai \$5 yang disertakan di dalam kulit buku menjadikan buku ini sesuai untuk bacaan ketika dalam perjalanan. Gunakannya untuk membayar tambang dan ceriakan perjalanan anda setiap hari dengan sastra tempatan.

Catatan Perjalanan ini merupakan koleksi cerpen dan puisi baharu oleh penulis dan penyair Singapura yang mengujakan. Dimulakan dengan inspirasi perjalanan dan pengembaraan, cerita-cerita yang segar dan menggetarkan ini akan membawa pembaca mengembara ke alam imaginasi.


Antologi yang telah disunting oleh Juffri Supa'at ini akan disisipkan dengan peta yang memaparkan beberapa mercu tanda sastra Singapura yang dilukis indah.

Memaparkan: Alang Budiman, Chempaka Aizim, Hamed Ismail, Isa Kamari, Jamal Ismail, Mohd Khair Mohd Yasin, Mohamed Latiff Mohamed, Noor Hasnah Adam, Noridah Kamari, Rafaat Haji Hamzah, Rasiah Halil, Suhaimi Bin Nasrain, Wan Jumaiah Mohd Jubri.

EDITOR JUFFRI BIN SUPA'AT

CATATAN PERJALANAN

Marshall Cavendish Editions

CATATAN
PERJALANAN

FICTION

ISBN 978-981-4779-05-0



9 789814 779050

For Review Only

THE
COMMUTING
READER

CATATAN PERJALANAN

EDITOR
JUFFRI BIN SUPA'AT

MUKADIMAH 4

PERJALANAN I

WAJAHMU JAKARTA 8
Mohamed Latiff Mohamed

KOTA MELAKA 9
Mohamed Latiff Mohamed

PERENTAS BENUA 10
Jamal Ismail

JEJAK-JEJAK DI PESISIRAN 20
Rasiah Halil

PERJALANAN II

MANUSKRIP 30
Noridah Kamari

GRAFITI DI DINDING RUMAH MERAPI 32
Noridah Kamari

PERJALANAN ITU 34
Noor Hasnah Adam

MISTERI RASA 35
Noor Hasnah Adam

KEMBALI 36
Suhaimi Bin Nasrain

PADA BAYU KUKATA LAGI 38

Suhaimi Bin Nasrain

PERMINTAAN 40

Isa Kamari

"AFIQ" 48

Wan Jumaiah Mohd Jubri

ORANG RUMAH 56

Chempaka Aizim

PERJALANAN III

ZON HAYAT 68

Mohd Khair Mohd Yasin

BERDIRI-DIRI SEORANG RUGI 69

Mohd Khair Mohd Yasin

FANA INI ADIKARYA 70

Alang Budiman

ADAKALANYA 73

Alang Budiman

BAHTERA 76

Rafaat Haji Hamzah

TAWAKAL 78

Rafaat Haji Hamzah

HIDUP ITU SUATU KEMBARA 79

Hamed Ismail

BERKENAAN EDITOR 91


UNTUK PENGETAHUAN LEBIH LANJUT 92

For Review Only

JEJAK-JEJAK DI PESIRAN

KOTA MELAKA

PERENTAS BENUA



P E R J A L A N A N I

“Kujelajahi roh sejarah ini
bagai kemboja sepi
kugagahi perjalanan ini
dalam kemelut sejarah.”

Wajahmu Jakarta, Mohamed Latiff Mohamed

“Dan seperti perahu yang lama telah dipersiapkan,
dia tahu neneknya reda melepaskannya kerana perahu
itu harus belayar ke laut dan lautan kehidupan
yang semakin luas lagi terbuka.”

Jejak-Jejak Di Pesisiran, Rasiah Halil

MOHAMED LATIFF MOHAMED dilahirkan pada 20 Mac 1950 di Lorong 23 Geylang, Singapura. Bidang penulisan beliau ialah sajak, cerpen, esei, drama dan novel. Mohamed Latiff mula menulis pada tahun 1966 dan beberapa karya-karya beliau telah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris. Beliau telah menerima SEA Write Award (2002), Anugerah Tun Seri Lanang (2003) dan Pingat Budaya (2013).


WAJAHMU JAKARTA

Pada bayang gagah Chairil
pada sendu sayu Amir Hamzah
tawaduknya Hamka
aku menidurimu
dengan salam kasih
rindu anak Nusantara
gagah sepi Soekarno.

Kujelajahi roh sejarah ini
bagai kemboja sepi
kugagahi perjalanan ini
dalam kemelut sejarah.

Anak Nusantara menyapa kasih
di jantung Jakarta
bau kota dan senyum pelacur
menyambut mimpi anak negeri.

Jakartaku
bila lagi kita bertemu
meraut kasih
mencumbui roh sejarah
antara kita
ada darah syuhada
ada rindu anak murba



KOTA MELAKA

Puing-puing sejarah
darah Sultan Mahmud
wangi tubuh Tun Teja
perwiranya Jebat derhaka
setia dayusnya Hang Tuah
gagah pintarnya Portugis juga

Kota nostalgiamu
membawa mimpiku bersemadi
di Tasik Rindu
penuh linangan air mata
sejarah tuamu
mengajar daku
Melayu perlu bersatu
usah dayus dan derhaka
pada air mata bangsa
Melakaku sungaimu
adalah bau perawan malam
yang merindui
maruah sejarah
di hujung kalimah

JAMAL ISMAIL menulis novel dan cerpen selain mengarah dan menerbitkan rancangan televisyen. Antara karya-karya Jamal ialah novel *Songsang* (1986) dan cerpen *Yang* yang terdapat di antologi *Begitulah Kata-Kata* (2013). *Yang Kekucingan* (2016) merupakan koleksi cerpen yang terkini.

PERENTAS BENUA

SUKAR untuk aku melupakan orang ini. Dia sering membuat kejutan. Perbuatannya melaungkan azan di landasan kereta api saat kami mula bergerak dari Moscow untuk ke Petrograd itu di luar dugaan. Dia begitu yakin melakukannya di tengah-tengah ribuan manusia di ibukota negara Soviet Union. Negara anti tuhan.

Walaupun peristiwa itu berlaku 16 tahun setelah runtuhnya Soviet Union dan Islamofobia belum menjadi isu sejagat, namun seperti semangat Imam Shamil idolanya yang tidak gentar berhadapan dengan kekuatan tentera Tsar, Murad Saifuddinov melangkah mengikut pergerakan gerabak penumpang kereta api sambil melaungkan seruan tauhid dengan nyaring. Mula-mula perlahan seperti golean roda-roda keretapi Red Arrow lalu bertambah kuat dan nyaring menghantar perjalanan sejauh 600km ke utara.

Aku mula mengenalinya sewaktu bertugas membuat siri dokumentari *Islam Di Rusia* untuk sebuah syarikat produksi yang berpangkalan di KL. Dia dilantik secara dalam talian sebagai pengurus produksi dan jurubahasa atas rekomendasi seorang sahabat yang per-

nah berurusan dengannya semasa menyertai ekspso perdagangan di Istanbul.

Saat bertemu pertama kali di Sheremetyevo International Airport Moscow, orang bertubuh besar susuk Tartar asal Kazan ini tanpa segan-segan memberi *bear-hug* kepada kami sebagai salam perkenalan dan persahabatan.

Menatap mata coklat Murad Saifuddinov buat pertama kali memberiku kesan, dia seorang yang lekas mesra dan mudah percaya. Tutur katanya cepat se pantas langkahnya juga. Walaupun lahir dan dibesarkan di bawah sistem hidup komunis, cintanya kepada agama tetap utuh. Dia telah ke Mekah sekali untuk haji dan 2 kali umrah setelah Soviet Union runtuh.

Hampir 10 tahun kami terus berhubung melalui telefon. Dia pernah datang dua kali ke Singapura untuk tujuan berniaga. Walaupun menginap di hotel, aku membawanya pulang ke rumah. Perkenalkan kepada keluarga. Seperti dia lakukan semasa aku berada di Moscow dahulu.

Kini di dalam bas ekspres perjalanan KL ke Singapura, aku dikejutkan dari lelap sejenak oleh Whatsapp beliau yang terpapar di skrip telefon bimbitku:

“As salamu alaikum bro. Need your thought. Amir refuses to go to Istanbul to further Islamic study. Any advice?”

Kalau di sini jam 5 petang, bererti baru jam 12 tengah hari waktu Moscow. Mungkin dia di pejabat. Siapa Amir? Aku tidak diperkenalkan dengan orang bernama Amir semasa di Moscow dulu.

“Wa alaykum salam Haji Murad. Amir your son?” Aku mengagak.

“Yes. 27 now,” tulis Murad.

“Noted. What’s his interest?” tanyaku lagi setelah berfikir beberapa ketika. Anak muda seusia itu perlu digauli sebagai kawan. Didengar keluh kesahnya. Dibakar semangat dan harapannya untuk menguasai dunia. Di luar jendela bas aku melihat deretan pohon-pohon jati muda yang ditanam di sepanjang lebuh raya menuju selatan berlumba-lumba berlalu. Aku tidak pasti, bas sudah sampai di mana sejak berlepas jam 1 tengah hari tadi.

“Film making,” balasnya pendek.

“Any plan for him?” Cepat jari-jariku menyentuh skrin di telefon bimbit.

“Imam,” tegasnya lebih pendek.

Ingatanku kembali kepada pertemuan yang diatur Murad di bandar Chirkei Dagestan dengan Sheikh Said Efendi al-Chirkeisky, seorang guru sufi Sheikh Tareqat Naqshbandi Shazaliah. Dia begitu menghormati tuan gurunya. Sanggup menempuh 36 jam perjalanan kereta api menziarahinya setiap tahun, membaharui bai’ahnya. Dia terasa telah mensia-siakan zaman mudanya.

Oleh kerana terbiar lama, Murad menulis lagi, “Do you agree?”

“As a father you have every right to choose the best for your son. But you must also listen and respect his decision brother,” balasku.

Tulisanku itu tidak mendapat reaksi segera darinya. Sesuatu yang agak aneh kerana bekas pemain gitar bass kumpulan rock ini yang kini serius berdakwah melalui penerbitan bahan-bahan cetak dan video tidak suka bertangguh kerja.

Pemergian kami ke Petrograd yang diaturnya itu adalah tanda dia meletakkan tugas rasmi sebagai pendakwah sama penting dengan urusan keluarga. Saat itu dia telah mengatur pertemuan dan temuduga untuk kami merakam pandangan tentang perkembangan Islam di Rusia daripada pemuka-pemuka politik, budaya termasuk filem, media dan akademik yang berpengaruh. Namun sehari sebelum berangkat, Murad terpaksa membatalkan penyertaannya dan melantik Abdullah Mehmedov, Editor akhbar mingguan *Islam Today* sebagai jurubahasa di Petrograd. Ketiadaan yang sedikit mengganggu fikiranku kerana kemesraannya.

“Abdullah will help you at Petrograd.” Pesannya semasa melepaskan kami di stesen Moscow. Abdullah telah lebih awal berada di bandar budaya itu atas urusan kerja. Sejak kami di Moscow, dia tidak pernah gagal bersama di tiga hari pertama liputan. Hanya selepas Murad mengambil alih tugas baru dia hilang dari pandangan.

Daripada Abdullah aku difahamkan bahawa Amir, anak tunggal Murad telah berpergian tanpa izin ke Laut Caspian membuat penggambaran video muzik. Hal inilah yang mengganggu fikiran Murad

hingga sanggup menjejaki anaknya ke selatan.

Tiba-tiba terdengar bunyi dentingan dari telefon bimbitku. Ada pesanan baru masuk melalui aplikasi Whatsapp.

“Salam Yai. Bila nak sampai?” daripada cucuku Dania yang menggunakan telefon bimbit Nyainya. Ini aku pasti sebab selalu dilakukan cucu pertamaku itu yang tinggal serumah. Budak 10 tahun yang mahir menggunakan kemudahan teknologi maklumat.

“Wa alaikum salam. Yai dalam perjalanan. Jumpa malam nanti, insya-Allah,” balasku segera. Sebaik pesanan itu dihantar, ada bunyi isyarat pesanan baru kuterima.

Benar sangkaanku, dari Murad lagi. Dia menulis, “But I want him to be an imam to help Russians understand Islam as taught purely by our Prophet Muhammad (peace be upon him).”

Dia memang tegas. Kurang bertolak ansur sebagaimana dia mematikan temubual aku dengan Dimitri Kanchukov seorang anggota Duma, parlimen di Moscow secara mendadak apabila masa untuk berangkat ke satu lagi pertemuan telah tiba. Waktu itu Dimitri sedang rancak menerangkan tentang kebimbangannya terhadap pengaruh Islam di Rusia. Murad menyalahkan aku kerana tidak pandai mengatur soalan hingga temuduga itu menjadi meleret-leret.

“Why not Makhachkala? Within eye sight?” tulisku untuk mengalih perhatiannya supaya dapat memantau perkembangan anaknya lebih dekat.

“Problem in Dagestan. Now becomes target of Wahabi. He may be in danger.” Jelasnya yang dapat kufahami kerana pengaruh mazhab yang dibawa orang-orang muda ke kawasan Pergunungan Caucasus semakin radikal. Beberapa tokoh ulama terutama sheikh-sheikh tareqat telah diancam bunuh.

Sheikh Said Efendi al-Chirkeisky yang pernah aku wawancara itu telah terbunuh ditangan seorang wanita pengebom nekad pada Ogos 2012 lalu. Adakah tragedi malang 4 tahun itu telah mengubah fikiran Murad?

“Noted. But why Istanbul? Why not Madinah or Mecca?” tulisku lagi.

“I have a business partner in Istanbul. He offers free lodging and I

want my son to learn from the best generation of Muslim who spread salam to Europe.” Begitu yakin dia pada sejarah.

Aku kurang pasti adakah sahabatku ini telah membuat keputusan yang betul. Aku juga ada seorang anak lelaki gelaran JJ yang kubebaskan membuat keputusan sendiri. Sekarang anak lelaki itu sedang bertungkus lumus mencipta namanya sebagai seorang penulis dan pengarah drama dan dokumentari di Malaysia. Sejauh ini sikap terbuka aku itu tidak silap.

“More important since downing of the fighter jets, Russia and Turkey now become best of best friends,” tulis Murad lagi penuh yakin.

Perbualan maya itu terpaksa dihentikan kerana bas menghampiri bangunan JB Sentral untuk urusan pasport. Aku mencadangkan dia melakukan solat istikharah bagi mendapatkan kebaikan di sisi Allah.

Memang keberkahan itu yang kami dambakan. Termasuk kebiasaanku kalau berpergian. Sama ada keluar atau pulang musafir. Aku akan singgah di masjid untuk jamak qasar solatku. Oleh kerana bas yang kunaiki berakhir di Beach Road jam 6 petang, aku singgah dahulu di Masjid Hajjah Fatimah untuk solat jamak qasar zohor dan asar.

Menanti maghrib, pandangan dan pendengaranku terpaut kepada sesosok tubuh jangkung yang sedang mencarik-carik halaman di rusuk kanan masjid dengan sapu lidi. Dia sedang membersihkan daun-daun jambu kering yang berselerakan. Aku keluar ke serambi dan memang benar orang itu aku kenal.

“As salamu alaikum Encik Hasan?” sapaku.

Mendengar salam dan namanya dipanggil, tubuh jangkung itu menoleh. “Wa alaikum salam! Eh, tuan? Apa kabar?” Balasnya hormat serentak mendapatkan aku di serambi masjid. Kami bersalaman lalu berpelukan. Tembok batu serambi setinggi 3 kaki yang memisahkan kawasan iktikaf dengan halaman masjid jadi penghalang.

“Khidmat untuk masjid ni pulak?” tanyaku spontan.

“Gitulah kalau dah tak diperlukan lagi,” balasnya.

“Masjid An Nur?” Aku teringat kecoh yang selalu ditimbulkan olehnya kalau muazzin lambat iqamat untuk memberi ruang kepada para jemaah menyelesaikan solat sunat mereka.

“Iqamat! Iqamat! Jangan tunggu mereka. Nanti terlepas fadhilat awal waktu pasal orang yang datang lambat tu!” Katanya lantang memenuhi seluruh dewan musolah. Dia tidak menghiraukan reaksi orang terhadap arahannya itu. Termasuk jawatan kuasa masjid yang menurutnya lembam.

“Saya dah 2 minggu di sini?” katanya lagi.

Aku mengangguk cuba memahami keadaan orang yang mengaku dirinya Hasan Gembeng kepadaku 7 bulan lalu. Dia malu sebab senang menangis dan aku cemburu kerana basah hatinya itu.

Hasan Gembeng ini pandai menilai hal-hal keutamaan dari keperluan. Dia pernah memarahi sekumpulan orang-orang tua yang sebaya dengannya kerana berbual kosong tentang masalah anak-anak di ruang legar masjid yang sering digunakan sebagai ruang solat di hari jumaat.

“Kalau berkumpul di masjid nak ngumpat pasal anak-anak, pergi kedai kopi sana,” sergahnya.

Ramai orang tidak senang dengan sikapnya, termasuk menantu perempuan tempat dia diajak berlindung selepas kematian isteri.

“Sebenarnya menantu saya tu kurang senang bila saya tegur suruh solat dan pakai tudung,” katanya pada perkenalan kami dahulu.

“Tak balik rumah?” tanyaku pula.

“Menantu perempuan saya dah hilang sabar. Dia pakat dengan anak saya hantar saya ke rumah kebajikan,” kata Hasan tanpa emosi.

“Bila?” Tanyaku terkejut.

“Bulan lepas.” Jawabnya selamba.

“Jadi lari dari rumah kebajikanlah ni?” Tanyaku bingung dan dia tersengih mengangguk. “Encik Hasan tak senang di situ?”

“Tak ada suasana tuan.” Katanya. Aku faham perkataan *suasana* yang dimaksudkan itu. Suasana beribadah untuk warga emas yang masih cergas, suka membaca Al Quran dan berkhidmat untuk masjid.

Aku mengajaknya makan di pusat makanan berdekatan walaupun telefonku berdering berkali-kali. Cucuku sudah memanggil.

“Apa yang Encik Hasan buat selama ini saya tabik. Tapi di usia senja macam kita ini, cubalah faham sikit perasaan orang lain. Kalau tidak susah kita.” Kataku memujuk sebelum berpisah sambil

menyelitikan sehelai not SGD50 ke tangannya.

“Saya tak boleh tuan,” katanya kecewa.

“Cuba ya... cuba,” kataku lagi sambil memegang pundak kanannya.

Dia mula menangis teresak-esak dan aku turut menangis sama depan Masjid Hajjah Fatimah malam itu. Kami berpelukan.

Sampai di rumah, kedua-dua cucuku Danial dan adiknya Deanna belum tidur. Mereka menanti kepulanganku walaupun sudah jam 11 malam.

“Esok tak sekolah?”

“Besok sekolah. Tapi tunggu hadiah yang Yai beli,” kata Deanna yang fasih berbahasa Melayu. Memang aku sering membelikan buah tangan istimewa untuk mereka setiap kali bertugas di luar negeri.

“Ini apa Yai?” Tanya Danial setelah membuka sebuah kotak berisi hadiah.

“Model Masjid Cordoba,” jawabku yang baru pulang dari tugas membuat dokumentari *Islam Di Andalusia*.

“Tapi kenapa macam gereja?” Tanya Deanna pula yang mendapat hadiah sama.

“Dulu memang sebuah masjid. Tapi bila Sepanyol ditawan tentera Kristian, mereka ubah jadi gereja. Sampai sekarang,” jelasku. Tidak sabar menerangkan kepada kedua-dua cucuku ini tentang tamadun Islam di Andalusia yang telah menerangi seluruh Eropah selama 800 tahun. Mendahului penonton jika usahaku itu menjadi program televisyen.

“Thiah nak ajak dia orang pindah ke Abu Dhabi,” kata isteriku saat hendak berehat.

“Apa? Bawa Danial dan Deanna tinggal Abu Dhabi?” tanyaku terkejut.

“Dia dipindahkan ke sana 5 tahun,” jelas isteriku.

“Sekolah di sana?” tanyaku lagi.

“Eh anak dia, tentulah,” balas isteriku.

Sebagai Pengurus Pemasaran Serantau di syarikat penerbangan Etihad, anak bungsuku Thiah itu sangat gigih dengan kerjayanya. Nekad, berani, degil tapi penyayang. Sejak berpisah daripada sua-

minya, dia tinggal serumah denganku. Kami sama-sama menjaga anak-anaknya yang berusia 10 dan 9 tahun itu.

“Tinggal sini kena cakap Melayu. Dengar cakap Yayi dan Nyai, faham?” kataku kepada Danial dan Deanna apabila mereka mula tinggal di rumahku 3 tahun lalu. Walau kekok pada mulanya, namun sekarang mereka sudah dapat bertutur dan berfikir macam orang Melayu.

“Cakap dengan Thiah, saya nak jumpa dia. Saya lapang 2 minggu ni,” pintaku supaya isteriku aturkan pertemuan dengan anak bungsuku itu. Kami jarang jumpa kerana tugas masing-masing. Apalagi berbual mesra, keluar makan atau bercuti bersama. Biasanya melalui isteriku kami berkomunikasi.

Waktu tengok-tengok emel lepas sarapan pagi itu, aku terima panggilan dari Ustaz Rafi Jamiyah.

“Ada orang dari Beijing nak jumpa tuan,” katanya di hujung talian.

“Siapa?” tanyaku.

“Oh tuan kena jumpa sendiri. Kalau saya beri tahu dah tak surprise lah.” Jawabnya sambil tergelak.

Apabila daun pintu kamar 313 Hotel Mandarin Orchard Singapore dikuak, selepas menjawab salam seorang pemuda Cina tinggi lampai tanpa ragu-ragu terus menerpa dan memelukku erat-erat. Lama aku dipeluknya seperti seorang anak melepaskan kerinduan kepada ayahnya yang telah lama berpisah. Ustaz Rafi yang membawa aku ke kamar hotel memerhati penuh gembira.

“Pakcik ini yang tolong saya balik kampung jumpa mak masa saya belajar di Uzbek.” Kata pemuda Cina itu dengan fasih kepada Ustaz Rafi mengenai perhubungan kami. Ibrahim Ma ke sini atas undangan Jamiyah selama 3 hari. Dia undangan khas sebuah seminar dakwah antarabangsa.

“Sekarang Ma buat apa?” cantasku segera untuk tidak terba-wa-bawa mengengang kebajikan lampau.

“Saya mengajar Bahasa Melayu di Beijing University dan berdakwah,” jawab Ibrahim Ma sambil memberiku sekeping kartu nama.

“Maaf tak panggil Prof... Doktor.” Kataku sambil membelek kartu

namanya: Professor Dr Ibrahim Ma, Department of Malay Studies, Beijing University.

“Jangan panggil saya Prof pakcik. Panggil saya Ma saja ya...” pintanya mesra hingga membuatkan Ustaz Rafi seronok dengan pertemuan itu.

“Ibu Ma sihat?” tanyaku tiba-tiba. Teringat bagaimana pada suatu pagi yang dibaluti salji, anak muda ini kelihatan amat sugul apabila menemui kami, krew penggambaran semasa bertugas di Bukhara, Uzbekistan 20 tahun lalu. Waktu itu dia sedang belajar Ilmu Hadis di Madrasah Ulugbuk dan mengambil upah menjadi juru bahasa kami kerana kemahirannya berbahasa Melayu semasa belajar di Beijing.

“Alhamdulillah. Sekarang saya tidak perlu risau sebab isteri saya menjaganya,” jelas Professor Doktor Ibrahim Ma. “Kalau tidak kerana pakcik saya tak dapat jumpa mak yang patah kaki dulu.”

“Subhanallah!” balasku. “Jagalah ibu Ma baik-baik. Redha Allah ada padanya.”

“Terima kasih pakcik.” Balas Ma tiba-tiba sebak.

Suasana sepi mendadak.

Wajah sebak yang sama itulah yang mengadapku sewaktu kami sama-sama iftar di Masjid Madrasah Ulugbuk. Saat penuntut-penuntut lain menghadihkan berbagai juadah mewah seperti sup kambing dan pulao bukhara bagi meraikan kami sebagai tetamu, Ibrahim Ma dengan malu-malu menghulurkan segenggam kekacang pistachio yang dibawa dari sebuah kampung pedalaman di Pergunungan Helan daerah Ningxia Hui. Suasana riang menanti saat azan untuk berbuka puasa menjadi senyap sunyi apabila Sheikh Badarudin, mudir madrasah menjemput Ma duduk di sebelahnya dan diapit kami tetamu yang dimuliakan.

Waktu iftar, Sheikh Badarudin tidak henti-henti bercerita tentang Ibrahim Ma. Dia anak seorang petani miskin yang dididik ibunya mencintai ilmu. Keinginannya sanggup menggembara meninggalkan keluarga sama seperti Imam al-Syafie meninggalkan kota Mekah tinggal di pedalaman Arab Badwi bersama suku Hudzail yang paling fasih berbahasa Arab.

Tanpa pengetahuan pihak madrasah, aku mengambil inisiatif

mengumpul dana darurat untuk membolehkan Ma pulang ke kampung menemui ibunya. Apabila dana yang dikumpul belum mencukupi, jurukamera Ahmad Sayuti menghulurkan jam Titusnya sebagai pelengkap.

Seminggu selepas menghantar Professor Dr Ibrahim Ma terbang pulang ke China, aku berada semula di Terminal 3 Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bersama isteriku. Danial dan Deanna melambai-lambai ke arah pesawat Etihad yang berlepas di landasan. Di dalam perut pesawat itu aku pasti Thiah yakin Danial dan Deanna akan selamat berada di dalam jagaan kami. Entahlah, kenapa dia mahu mendengar rayuanku supaya anak-anaknya membesar bersama kami di Singapura.

Malam itu, sewaktu berehat di kamar tidur aku teringat Amir, anak lelaki Murad Saifuddinov yang bercita-cita menjadi pengarah filem seperti anak lelaki JJ di KL dan Hasan Gembeng yang terus bersembunyi di masjid. Patutkah seorang ayah mendesak anaknya belajar ke luar negeri demi kepentingan perjuangannya? Sanggupkah seorang anak dan menantu membiarkan seorang bapa yang ingin melihat kebahagiaan keturunannya di dunia dan akhirat terus bergelandangan?

The Commuting Reader diterbitkan untuk

#BUYSINGLIT



#BuySingLit adalah sebuah gerakan yang dipimpin industri penerbitan untuk meraikan kisah-kisah dari Singapura. Dengan menganjurkan 'Beli Karya Tempatan, Bacalah Budaya Kita', para penerbit buku tempatan, pengedar buku dan badan-badan sastera telah berganding bahu untuk menggalakkan rakyat Singapura mendekati dan menghargai sastera Singapura. Dengan membeli dan membaca karya-karya tempatan, anda menyokong para penulis yang merakam kehidupan kita sehari-hari dan perniagaan-perniagaan berkaitan buku yang menyampaikan kisah-kisah ini kepada kita. Yang penting, anda akan dapat mengalami sendiri kegembiraan dengan merungkai sekeliling alam yang pelbagai dimensi.

Published with the support of



NATIONAL ARTS COUNCIL
SINGAPORE

Official Transport Card



© 2017 Marshall Cavendish International (Asia) Pte Ltd

Cover design © Debbie Ding
Illustrations © Band of Doodlers

Published by Marshall Cavendish Editions
An imprint of Marshall Cavendish International



All rights reserved

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the copyright owner. Request for permission should be addressed to the Publisher, Marshall Cavendish International (Asia) Private Limited, 1 New Industrial Road, Singapore 536196. Tel: (65) 6213 9300 E-mail: genref@sg.marshallcavendish.com

The publisher makes no representation or warranties with respect to the contents of this book, and specifically disclaims any implied warranties or merchantability or fitness for any particular purpose, and shall in no event be liable for any loss of profit or any other commercial damage, including but not limited to special, incidental, consequential, or other damages.

Marshall Cavendish is a registered trademark of Times Publishing Limited

Perpustakaan Negara Singapura Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Name(s): Juffri Supa'at, editor.

Title: Catatan perjalanan / Juffri Supa'at, editor.

Description: Singapore : Marshall Cavendish International (Asia), 2017. | Series: The commuting reader series.

Identifiers: LCCN 971461786 | ISBN 978-981-4779-05-0 (paperback)

Subjects: LCSH: Singaporean literature. | Singaporean prose literature (Malay) | Singaporean poetry (Malay). |

Classification: DDC 899.28--dc23

Printed in Singapore by Markono Print Media Pte Ltd